

BELASUNGKAWA PROFESOR DR. HAMDANI SAIDI

Innalillahi wainnalillahiroji'un..

Ya Allah Ya Tuhanku ampunilah dia, rahmatilah dia, maafkanlah dia, muliakanlah kematiannya, lapangkanlah kuburnya, jadikanlah syurga sebagai ganti tempat tinggalnya dan berilah kesabaran kepada ahli keluarganya.

Allahyarham Profesor Hamdani merupakan Guru (*Supervisor*) M.Eng saya pada 1991. Seorang Profesor yang sangat rapat dengan saya kerana selain daripada menjadi pelajarnya, saya juga merupakan Pembantu/Pegawai Penyelidik beliau pada tahun 1990 sehingga 1993 sebelum menjadi pensyarah UTM.

Profesor Hamdani merupakan seorang mentor serta tokoh yang memperkenalkan Teknologi Membran kepada saya dan masyarakat di UTM. Beliau seorang yang sopan santun hati budinya dan sentiasa ikhlas serta prihatin di setiap baktinya kepada pelajar dan staf.

Sebagai seorang profesor, mentor dan seorang ketua, pastinya kami merindui susuk Profesor Hamdani yang sentiasa sabar dan tenang, senyum tawanya yang meleraikan segala gundah gulana, nasihat dan tunjuk ajar yang menjadi panduan dan inspirasi semua.

Semasa menjadi Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur, pentadbiran beliau berjaya mengubah landskap kampus tersebut kepada kampus bertaraf antarabangsa. Seorang cendekiawan yang sentiasa berpandangan jauh, dinamik dan sentiasa berusaha dalam memastikan setiap apa yang dilaksanakan mendapat rujukan serta manfaat kepada semua. Profesor Hamdani is *a Great Professor and a True Leader*.

Saya sangat terharu apabila guru saya, Profesor Hamdani memberi ucapan tahniah dan motivasi kepada saya pada 22 Januari 2021, selepas sehari saya menyampaikan Amanat Tahun Baharu pertama saya sebagai Naib Canselor UTM. Terasakan ianya baharu saja berlaku, tetapi pada tanggal 5 Februari 2021, setelah beramal bakti sehingga usianya 67 tahun, Profesor Hamdani telah menghembuskan nafasnya yang terakhir, meninggalkan kita semua untuk kembali menemui Yang Maha Esa.

Pastinya, UTM sangat merasai kehilangan Profesor Hamdani Saidi. Saya menjadi saksi terhadap segala kebaikan dan sumbangan keilmuaan serta keserjanaan disepanjang mengenali beliau.

Semoga pemergian beliau menjadi kerehatan sebenar dari urusan dunia. Salam takziah dari saya dan seluruh warga UTM. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman. DariNya kita hidup dan kepadaNya kita kembali.

Al-Fatihah...

'Sesungguhnya Allah, hanya pada sisi-Nya sajalah pengetahuan tentang Hari Kiamat; dan Dia-lah Yang menurunkan hujan, dan mengetahui apa yang ada dalam rahim. Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui (dengan pasti) apa yang akan diusahakannya besok. Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi mana dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.'

Surah Luqman 31: Ayat ke 34

- Ahmad Fauzi bin Ismail, Naib Canselor